

29 DEC 1998

DR MAHATHIR HADIR MAJLIS BERBUKA PUASA ANJURAN KDN

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri majlis berbuka puasa anjuran Kementerian Dalam Negeri (KDN), di Masjid Bukit Aman.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri turut ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Hadir sama pada majlis itu ialah kedua-kedua timbalannya di KDN Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali dan Datuk Ong Ka Ting, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor, Ketua Pengarah Imigresen Datuk Aseh Che Mat dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Datuk Samsudin Osman.

--BERNAMA

APG ZB